

# Keentingan kemahiran membaca dalam kalangan murid

## MINDA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR. ABDUL SAID AMBOTANG

UB 4.10.2018 B2

**MALAYSIA** telah mencapai kejayaan cemerlang dalam sistem pendidikannya dalam tempoh lebih dari 50 tahun lalu termasuk pencapaian kadar celik huruf dalam kalangan dewasa mencecah 92 peratus, kadar penyertaan peringkat rendah yang universal serta kadar pertumbuhan penyertaan peringkat menengah antara yang tertinggi berbanding negara membangun lain.

Bagaimanapun, warga pendidik tidak harus berpuas hati dengan pencapaian ini kerana keberhasilan pendidikan Malaysia kini sudah agak ketinggalan berbanding beberapa negara seperti Singapura, Hong Kong dan Korea.

Menurut laporan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), kajian Pertubuhan Pendidikan, Santifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) menunjukkan pembelajaran peringkat awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam perkembangan pemikiran mereka, manakala kajian di Amerika Syarikat mendapati mereka yang menghadiri prasekolah mempunyai kadar pencapaian yang lebih tinggi apabila dewasa.

Kajian Kementerian Pendidikan mendapati antara faktor yang menyumbang kepada keciciran pelajar ialah kegagalan menguasai sukatan pelajaran. Pada 2008, didapati hampir 32,000 pelajar pelbagai peringkat tercicir persekolahan

dan dijangka jika pihak Kementerian Pendidikan dapat memberi kemahiran membaca, menulis dan mengira pada usia muda, jumlah keciciran pelajar ini sememangnya boleh dikurangkan. Semua pihak maklum pendidikan yang bermula pada usia awal amat penting kerana amat sukar untuk membasmi buta huruf apabila pelajar semakin membesar.

Membaca adalah aktiviti yang penting dalam kehidupan manusia dan kemahiran ini merupakan asas pembentukan diri ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan. Disebabkan masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Antara masalah yang dihadapi murid adalah seperti keliru mengecam huruf besar dan huruf kecil semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan yang tidak ketahui makna atau gagal membunyikannya. Ini menimbulkan pola bacaan yang merangkak-rangkak dan pastinya menjadikan murid tidak memahami maklumat dan makna bahan bacaan tersebut.

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada empat kemahiran bahasa yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kemahiran membaca adalah lanjutan daripada kemahiran-kemahiran asas seperti mendengar dan bertutur. Melalui pembacaan, seseorang itu mampu menimba ilmu pengetahuan yang tidak dapat diperolehi menerusi

pengalaman-pengalaman biasa yang lain. Membaca dapat membantu memperluaskan pemikiran dan idea serta meningkatkan daya kreatif seseorang individu dalam pelbagai bidang.

Membaca juga adalah proses kebalikan daripada proses menulis. Proses membaca memerlukan seseorang itu menterjemahkan kembali lambang-lambang bertulis kepada lambang-lambang bunyi yang hendak disampaikan oleh penulisnya. Membaca berbeza daripada mendengar kerana ia melibatkan kedua-dua aktiviti verbal dan literasi secara serentak. Apabila seseorang membaca secara tidak langsung akan menghuraikan bahan bercetak kepada pertuturan dan pada masa yang sama akan menghuraikan pertuturan itu kepada pemikiran.

Kebolehan membaca sangat penting dan ia merupakan satu ukuran kejayaan pelajar di sekolah. Ini kerana kebolehan membaca dianggap sebagai asas bagi mencapai semua kejayaan dalam semua bidang, terutama dalam bidang pendidikan. Kemahiran membaca ditekankan pada peringkat awal lagi bersama kemahiran lain seperti mengira dan menulis. Kebolehan membaca bukan sahaja dianggap sebagai asas utama bagi mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi dan sosial, malah sistem persekolahan itu sendiri memupuknya sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Ada banyak huraian berkaitan takrif membaca. Membaca dimaksudkan sebagai proses memperoleh tafsiran yang bermakna ke atas lambang-lambang bercetak dan bertulis. Ada segelintir

sarjana menyatakan bahawa proses membaca juga dikatakan sebagai keupayaan seseorang itu mengecam bentuk visual dan menghubungkan bentuk itu dengan bunyi ataupun makna yang diketahui melalui pengalaman dan akhirnya berupaya mentafsirkan maksudnya.

Membaca merupakan aspek yang sangat penting dalam proses pencerapan ilmu pengetahuan. Perlu difahami bahawa proses menguasai kemahiran membaca dan memahami bukanlah suatu pekerjaan yang mudah berbanding dengan proses mendengar dan bertutur. Membaca ialah merupakan salah satu amalan yang baik, '*Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya*' membawa maksud orang yang membaca orang yang berjaya, dan orang yang berjaya orang yang cermerlang.

Di Malaysia terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan kaedah-kaedah yang berkesan digunakan untuk mengatasi murid yang tidak tahu membaca. Salah satu kajian diagnostik yang telah dijalankan oleh Abdul Aziz (1985) mendapati murid bermasalah mengenal setiap huruf dalam perkataan. Daripada kajiannya didapati bahawa seramai 1,125 murid tahun Satu hingga tahun Enam boleh membaca pada peringkat 'kecewa'. Purata peratus kegagalan murid dalam mengenal bunyi huruf adalah tinggi berbanding dengan purata peratus kegagalan murid dalam aspek mengenal huruf dan mengenal atau memadankan bentuk huruf, sama ada kumpulan peringkat 'bimbingan' mahupun kumpulan peringkat 'kecewa'. Hal ini

bermakna kanak-kanak boleh mengenal nama huruf dan memadankannya dengan bentuk huruf tetapi sukar untuk membunyikannya.

Selain itu sumbangan oleh Aspalaila Ramli dan Maslinda Mahmud (2006) dalam kajiannya yang bertajuk '*Meningkatkan Kemahiran Murid Membaca Ayat-ayat yang Mengandungi Perkataan Gabungan Dua Suku Kata Terbuka dan Tertutup KV + KVK*', kajian ini dibuat di Sekolah Kebangsaan Sawah Dato', Mersing, Johor. Mereka telah menggunakan teknik latih tubi bagi membolehkan murid mereka dapat menguasai kemahiran membaca suku kata terbuka dan tertutup.

Terdapat tiga perkara asas yang mempengaruhi kebolehan membaca iaitu kanak-kanak dan proses dalamannya, suasana sekolah termasuk guru dan kurikulum serta rumah tempat kediaman dan persekitaran masyarakat kanak-kanak tersebut. Pernyataan ini diperkukuhkan lagi oleh hasil kajian para sarjana lepas yang mendapati bahawa kemahiran-kemahiran asas perlu diperkukuhkan sebelum pengajaran membaca ayat dijalankan dalam pengajaran Bahasa Melayu pada peringkat awal. Hal ini meliputi kemahiran menamakan huruf dan membunyikan suku kata dalam perkataan.

Penyelidik juga mendapati bahawa kelemahan yang dihadapi oleh murid dalam kajiannya adalah dalam aspek membezakan huruf yang hampir sama bentuk, mengenal suku kata yang mengandungi bunyi-bunyi berkaitan dan bunyi-bunyi berpandu dan dari segi menyuarakan perkataan-

perkataan bertulis secara spontan.

Kemahiran membaca sangat penting dikuasai oleh murid sekolah kerana melalui pembacaan mereka dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran, meluaskan pengetahuan, mencari dan mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan dan lain-lain lagi. Guru sudah pasti memainkan peranan penting dalam mengajar murid kemahiran membaca. Oleh itu guru disarankan perlu menggunakan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran bacaan supaya kemahiran membaca murid dapat ditingkatkan dengan baik.

Secara umumnya dalam usaha memantapkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dewasa ini memang perlu diberi perhatian yang lebih serius. Seluruh warga pendidik Bahasa Melayu khususnya di sekolah rendah semestinya mempunyai komitmen serta kekuatan untuk menghadapi cabaran dan seterusnya memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran Bahasa Melayu sebaik mungkin.

Peningkatan profesionalisme guru Bahasa Melayu merupakan pemangkin akauntabiliti bahasa dan bangsa Melayu. Ini amat bertepatan dengan saranan Menteri Pendidikan era ini yang mahu sistem pendidikan negara yang terus berkembang seiring dengan kemajuan negara yang berimpak tinggi.

-----  
\* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah